

## KEPUTUSAN PENUH PENGANUGERAHAN AKREDITASI APACC2015

BIL	INSTITUSI	NEGARA	TAHAP AKREDITASI
1	Politeknik Kota Bharu	Malaysia	EMAS
2	Politeknik Sultan Hj. Ahmad Shah	Malaysia	EMAS
3	Politeknik Seberang Perai	Malaysia	EMAS
4	Politeknik Sultan Azlan Shah	Malaysia	EMAS
5	TESDA Woman's Center	Filipina	PERAK
6	Puerto Princesa School Arts and Trades	Filipina	PERAK
7	Lupon School of Fisheries	Filipina	PERAK
8	RTC KorPhil Davao	Filipina	PERAK
9	School of Nursing	Mongolia	PERAK
10	Dumalag Vocational Technical School	Filipina	GANGSA
11	Dipolog School of Fisheries	Filipina	GANGSA

“Menerusi akreditasi tersebut, kemahiran yang dimiliki oleh graduan politeknik akan diiktiraf oleh negara-negara di rantau Asia Pasifik.”

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK

## 4 politeknik terima anugerah emas APACC

Oleh ALIF FADLI MOHD. SORI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 23 JUN

EMPAT politeknik mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya mencapai tahap tertinggi dalam sistem akreditasi Suruhanjaya Pensijilan dan Akreditasi Asia Pasifik (APACC) baru-baru ini.

Jabatan Pendidikan Politeknik dalam satu kenyataan berkata, antara politeknik yang menerima penganugerahan emas tersebut adalah Politeknik Kota Bharu (PKB), Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polisas), Politeknik Sultan Azlan

Shah (PSAS) dan Politeknik Seberang Perai.

Katanya, sebelum ini tiga institusi pendidikan di bawah jabatan tersebut turut menerima penganugerahan sama iaitu Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Politeknik Ibrahim Sultan.

“APACC yang merupakan badan akreditasi di bawah Colombo Plan Staff College For Technician Education (CPSC) telah menganugerahkan tahap emas bagi akreditasi kepada empat buah politeknik di Malaysia.

“Menerusi akreditasi tersebut, kemahiran yang dimiliki oleh gra-

duan politeknik akan diiktiraf oleh negara-negara di rantau Asia Pasifik,” katanya di sini hari ini.

Maglis penganugerahan tersebut telah diadakan di Marco Polo Hotel Ortigas, Manila yang turut dihadiri oleh Duta Malaysia ke Filipina, Datuk Mohd. Zamri Mohd. Kassim.

Menurut kenyataan itu, penganugerahan tertinggi itu akan memudahkan pergerakan graduan politeknik Malaysia dalam mempraktikkan kemahiran dan pengetahuan yang ada di negara rantau Asia Pasifik.

“Pencapaian itu juga bertepatan dengan perancangan politeknik bagi mencapai lonjakan keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) iaitu melahirkan graduan Program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) yang berkualiti,” katanya.

